



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 18/2012 (29 April hingga 5 Mei 2012)

Pada minggu ke-18 bagi tahun 2012, iaitu dari 29 April hingga 5 Mei, terdapat dua (2) kes kematian akibat Denggi dilaporkan, masing-masing di Johor dan Selangor. Dengan ini jumlah keseluruhan kematian pada tahun 2012 adalah sebanyak 20 kematian, meningkat 8 berbanding 12 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2011. Kes-kes kematian ini melibatkan seorang wanita berusia 19 tahun yang merupakan pelajar di sebuah kolej kerajaan dan seorang surirumah berusia 31 tahun. Pesakit –pesakit ini yang mendapatkan rawatan awal setelah mengalami demam, sakit kepala dan muntah serta telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital untuk rawatan lanjut, walau bagaimanapun meninggal dunia akibat komplikasi Denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Kadar pemberian Aedes yang tinggi di tempat kediaman pesakit iaitu 4.2 dan 10.2%, merupakan punca berlakunya jangkitan demam Denggi dan seterusnya menyebabkan kematian.

Peningkatan kematian demam Denggi perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak terutama para pengamal perubatan di kesihatan primer, agar mendapatkan maklumat lengkap dari pesakit berkaitan gejala dan tanda demam Denggi bagi membantu mereka mendiagnosa Denggi dengan lebih cepat dan tepat. Begitu juga dengan orang ramai, diharapkan

agar lebih berwaspada terhadap penyakit Demam Denggi, pastikan mendapat rawatan dengan segera sekiranya mengalami demam dan memberitahu pengamal perubatan yang merawat jika mereka berada di kawasan wabak Denggi. Di samping itu, masyarakat diseru agar membersihkan tempat-tempat pembiakan Aedes pada setiap minggu. Melalui pemantauan Kementerian, kadar pembiakan Aedes masih tinggi di kawasan-kawasan bermasalah iaitu antara 5.3% hingga 37.5%, yang juga menunjukkan tahap kebersihan yang masih tidak memuaskan.

Pada minggu yang sama, sejumlah 405 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 453 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah terkumpul kes Denggi bermula dari Januari sehingga 5 Mei 2012 adalah 8,809, meningkat sebanyak 22% atau 1,612 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Sebanyak tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak meningkat sebanyak 7 kes (33%), Kelantan 5 kes (50%), Kedah 4 kes (17%), Terengganu 3 kes (38%), WP Labuan 1 kes (100%), Perlis 1 kes (50%) dan Sarawak meningkat sebanyak 1 kes (5%).

Sejumlah 96 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 19 daerah. Terdapat tiga (3) lokaliti *hot spots* iaitu Kuarters Kakitangan ATM (Jalan U-Thant), zon Pusat Bandar, WP Kuala Lumpur, melibatkan 19 kes; Asrama Institut Pengajian Bahasa Melayu, zon Klang Lama, WP Kuala Lumpur, melibatkan 10 kes dan Universiti Tenaga Nasional, Sepang, Selangor melibatkan 8 kes.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

6 Mei 2012

Lampiran A**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2012
(29 April hingga 5 Mei 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2011
		Minggu 18 (29 April – 5 Mei 2012)	Minggu 17 (22 – 28 April 2012)		
1	Perlis	3	2	73	26
2	Kedah	27	23	294 (1)	165
3	P. Pinang	9	13	314 (1)	685 (1)
4	Perak	28	21	607 (1)	447 (1)
5	Selangor	182 (1)	214	3,959 (10)	2,617 (3)
6	WPKL & Putrajaya	45	62	956 (3)	578
7	N. Sembilan	7	11	155 (1)	273
8	Melaka	7	9	248	169
9	Johor	31 (1)	32	596 (1)	717 (4)
10	Pahang	8	17	273 (1)	367 (1)
11	Terengganu	11	8	310	296 (1)
12	Kelantan	15	10	476	264 (1)
13	Sarawak	23	22	373	394
14	Sabah	8	9	168 (1)	194
15	WP Labuan	1	0	7	5
	MALAYSIA	405 2)	453	8,809 (20)	7,197 (12)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 18
BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Pusat Bandar	Qrts Kakitangan ATM (Jalan U-Thant)	19	41
2	WPKL	Klang Lama	Asrama Inst Pengajian Bahasa Melayu	10	37
3	SELANGOR	Sepang	UNI Tenaga Nasional	8	33